

Ireka peroleh kontrak bina hospital di Vietnam

IREKA Corp Bhd memperolehi kontrak pembinaan hospital di Vietnam bernilai RM27.58 juta daripada Hoa Lam-Shangri-La Healthcare Ltd Liability Company.

Kontrak untuk pakej kerja struktur hospital di International Hi-Tech Healthcare Park (IHHP) di Daerah Binh Tan, Ho Chi Minh City itu diperolehi oleh anak syarikat milik sepenuhnya, Ireka Engineering dan Construction Vietnam Company Ltd (IE-CVCL).

Hospital itu adalah sebahagian daripada projek IHHP di kawasan seluas 37.54 hektar merangkumi hospital swasta bertaraf dunia serta gabungan pembangunan komersil, hospitaliti dan kediaman, kata Ireka dalam satu kenyataan.

Kerja struktur hospital IHHP dijangka siap pada 30 September 2011.

Kontrak itu akan menambah nilai projek semasa Ireka kepada kira-kira RM800 juta, dengan anggaran RM430 juta masih belum diselesaikan.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Lai Siew Wah, ia adalah kejayaan penting buat kumpulan itu kerana ia adalah projek pembinaan pertamanya di Vietnam.

Beliau berkata, Ireka yang

bersandarkan pengalamannya dalam kerja infrastruktur, binaan dan kejuruteraan awam, kini bersedia untuk mengeksport kemahiran dan pengetahuannya ke Vietnam.

"Perniagaan pengurusan pembangunan hartanah Kumpulan Ireka dan syarikat sekutu kami, Aseana Properties Ltd yang disenarai di London, sangat aktif di Vietnam sejak empat tahun lalu.

"Sehubungan itu ia adalah kemajuan bagi perniagaan pembinaan kami meluaskan kehadirannya di Vietnam," katanya.

Industri pembinaan di Vietnam, katanya semakin berkembang, sejajar dengan pembangunan ekonomi negara itu.

"Kami yakin permintaan terhadap kontraktor negara ini yang memiliki kepakaran dalam segmen infrastruktur, komersil dan kediaman, akan terus meningkat," kata Lai.

IECVCL ditubuhkan di Ho Chi Minh City untuk melaksanakan kerja pembinaan bangunan dan awam di negara yang pesat berkembang itu.

"Kami akan berhemat dan memilih saiz dan jenis produk untuk diceburi" katanya.